

KESAN INTERVENSI PSIKOLOGI TERHADAP PENGURANGAN SALAH LAKU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Aslina Ahmad, Nor Junainah Mohd Isa & Amelia Mohd Noor

Universiti Pendidikan Sultan Idris

aslina.ahmad@fppm.upsi.edu.my, junainah@fppm.upsi.edu.my &

amelia@fppm.upsi.edu.my

Suradi Salim

Universiti Malaya

suradi@um.edu.my

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan melihat kesan penggunaan Intervensi Psikologi ke atas pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan masalah disiplin yang dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling. Kajian ini melihat kadar salah laku dalam kalangan pelajar sebelum dan selepas intervensi. Seramai 86 ($N=86$) orang pelajar tingkatan empat terlibat dalam kajian eksperimen kuasi ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan kawalan, kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok. Data dianalisis dengan menggunakan ujian bukan parametrik. Analisis ujian Krusall Wallis H menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kumpulan [χ^2 (2, $N=86$) = 29.304, $p=.000$). Ujian Mann-Whitney U dilakukan untuk mengenalpasti pasangan yang menyebabkan perbezaan yang signifikan ini. Keputusan ujian-ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat perbezaan salah laku [kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan individu ($U=154.5$, $p < .05$), dan kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan kelompok ($U=169.5$, $p < .025$)]. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan individu dengan kumpulan rawatan kelompok ($U=410.5$, $p > .05$). Implikasi kajian dibincangkan di akhir kertas kerja ini.

Kata Kunci: bimbingan dan kaunseling, intervensi psikologi, masalah disiplin salah laku, pelajar dirujuk

PENDAHULUAN

Masalah disiplin merupakan isu yang tidak dapat dinafikan kewujudannya di sekolah. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia, sepanjang sesi persekolahan pada tahun 2010, seramai 111,484 orang pelajar terlibat dengan masalah disiplin di sekolah (Loo, 2010). Daripada jumlah tersebut, seramai 17,557 orang (65.08 %) merupakan pelajar sekolah menengah, manakala 38,927 (34.92 %) lagi ialah murid sekolah rendah. Laporan tersebut juga menyentuh tentang jenis salah laku yang dilakukan oleh pelajar sepanjang tahun 2010 yang membabitkan tujuh jenis salah laku. Salah laku yang dilaporkan ialah salah laku ponteng (19,545 atau 21.7%), salah laku kurang sopan (18,346 atau 20.4 %), salah laku tidak pentingkan masa (17,808 atau 19.8 %), salah laku jenayah (17,595 orang atau 19.5 %), salah laku kenakalan (8,563 atau 9.5%), salah laku musnah (5,212 atau 5.8 %) dan salah laku lucah (3,031 atau 3.4%). Pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin jika

dibiarkan tanpa sebarang intervensi, kesannya boleh memudaratkan. Beberapa kajian membuktikan pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin kurang mempunyai kemahiran social (Bemak, Chi & Murphy, 2003; Paulos, 2007; Rice & Dolgin, 2008), memperoleh tahap prestasi akademik yang rendah (Abd Halim Othman & Sharifah Bee, 1996; Mohd Sofian Omar Fauzee, Habibah Elias, Noreen Nordin, Rahil Mahyuddin, Samsilah Roslan & Maria Chong, 2006) dan menjadi penjenayah apabila mereka dewasa (Bear, Manning & Kunio Shiomi, 2006; Finn, Fish & Scott, 2008; Onyskiw & Hayduk, 2001). Penulisan terkini menekankan aspek kognisi sebagai penggerak utama dalam perlakuan seseorang (Crick & Dodge, 1994; McNamara, 2002). Maklumat yang tidak lengkap dan maklumat yang bias merupakan diantara perkara yang boleh menyebabkan pemprosesan maklumat seseorang tidak dijana sepenuhnya sebelum sebarang tindakan diambil. Menurut Crick dan Dodge (1994), seseorang yang mempunyai maklumat yang terbatas ditafsirkan sesuatu perkara dengan secara tidak terbuka. Apabila maklumat hanya mentafsir sesuatu perkara melalui satu perspektif, sesuatu perkara kurang ditafsirkan secara global dan tindakan yang sering diambil adalah sesuatu yang tidak rasional dan tidak wajar. Pelajar yang melanggar disiplin merasakan bahawa apa yang mereka lakukan betul dan tidak mendatangkan apa-apa kesan yang memudaratkan. Oleh itu, apabila mereka dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling, kedatangan mereka ke bilik kaunseling adalah dalam keadaan terpaksa kerana mereka tidak menganggap diri mereka bermasalah (Reddick, 2004; Savicki, 2007; Suradi Salim, 2001; Suradi Salim & Tan Juat Ngoh, 1996). Pelajar menghabiskan masa lebih daripada 6 jam untuk menghadiri kelas. Tempoh itu tidak termasuk jangka masa untuk mereka mengikuti aktiviti ko kurikulum sekolah, dan kelas tambahan. Oleh itu, tempat yang paling berkesan untuk memberi intervensi kepada pelajar ialah di sekolah. Di sekolah, guru yang sering dipertanggungjawabkan untuk mengendali masalah disiplin ialah guru disiplin dan guru bimbingan dan kaunseling. Kaedah yang digunakan oleh guru disiplin merupakan kaedah hukuman. Antara hukuman yang sering dikenakan ialah pelajar diberi amaran secara lisan, diberi amaran secara bertulis, dirotan, digantung sekolah dan dibuang sekolah. Manakala guru bimbingan dan kaunseling pula akan memberi perkhidmatan kaunseling kepada para pelajar tersebut (Ruhani Mat Amin, 2005). Dalam kajian-kajian terkini, terdapat pertentangan dapatan mengenai kaedah terbaik yang boleh digunakan oleh guru disiplin dalam menangani isu disiplin di sekolah. Kaedah yang digunakan oleh guru disiplin didapati berkesan mengurangi salah laku dalam jangka masa yang pendek tetapi dalam jangka masa yang panjang, kaedah ini didapati tidak berkesan dan pelajar tersebut didapati terlibat dengan salah laku bukan sahaja pada kadar yang lebih kerap tetapi turut melibatkan jenis kesalahan yang lebih serius (Anuar Puteh, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Che Rohaizan Che Shaffaie, 2007; Khalim Zainal, Rohani Ahmad Tarmizi, Zakaria Kasa & Mizan Adiliah Adiliah Ahmad Ibrahim, 2007; dan Rohizani Yaakub & Md Paizin Salleh, 2005). Kaunseling pula merupakan suatu proses yang melibatkan interaksi dua hala antara orang yang memberi pertolongan dengan orang yang menerima pertolongan dalam suasana yang penuh muhibbah, kesedaran dan saling memahami (Othman mohamed, 2005). Untuk berinteraksi secara dua hala memerlukan keinginan kedua-dua pihak untuk berada dalam proses kaunseling tersebut. Kajian dan penulisan daripada dahulu

sehingga sekarang turut memperkatakan bahawa kaunseling adalah berkesan untuk klien yang datang secara sukarela dan yang ingin menerima perkhidmatan kaunseling (Okun, 2002; Ruhani Mat Amin, 2005; Rogers, 1961; Suradi Salim, 2001) sedangkan pelajar yang dirujuk datang bukan atas kehendak mereka sendiri. Kajian Aslina Ahmad dan Suradi Salim (2010) ke atas 65 orang guru bimbingan dan kaunseling di Kelantan mendapati 51 orang orang responden (71.2 %) mengguna kaedah kaunseling apabila berhadapan dengan pelajar yang dirujuk dan 46 orang responden (71.2%) menyatakan keperluan latihan lanjutan khusus untuk menangani pelajar yang dirujuk. Sejauh ini perbincangan terhadap intervensi yang bukannya kaunseling yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah disiplin kurang difokuskan. Lantaran itu, Intervensi Psikologi digunakan dalam kajian ini untuk melihat kesan terhadap pengurangan salah laku dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kes disiplin di sekolah. IP dikemukakan oleh Suradi Salim (2001) meliputi lima langkah utama iaitu (1) Membina hubungan, (2) Meneroka persepsi pelajar mengenai perkara yang menyebabkan dirinya dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling, (3) Membincangkan konsekuensi perlakuan yang menyebabkan dirinya dirujuk, (4) Memberi peluang kepada pelajar membuat keputusan dan (5) Penamatan. Suradi Salim (2001) turut menekankan kepentingan mengaplikasi kemahiran kaunseling di sepanjang proses Intervensi Psikologi yang diberikan oleh guru bimbingan dan kaunseling kepada pelajar yang dirujuk. Kajian ini bertujuan melihat kesan penggunaan Intervensi Psikologi ke atas pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan masalah disiplin yang dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling.

METODOLOGI

Metod kajian menjelaskan tiga aspek utama iaitu partisan dan seting, pengukuran dan prosedur kajian.

Subjek kajian

Seramai 86 orang pelajar daripada tiga buah sekolah menengah harian biasa di Selangor terlibat dalam kajian ini. Semua subjek merupakan pelajar yang pernah terlibat dalam kes disiplin di sekolah mereka.

Rekabentuk kajian

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini dipilih secara bertujuan dan dibahagikan secara sistem padanan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan kawalan ($N=30$), kumpulan rawatan individu ($N=28$) dan kumpulan rawatan kelompok ($N=28$). Kajian ini melihat kadar kekerapan salah laku dalam kalangan pelajar sebelum (praujian) dan selepas intervensi (pascaujian). Kadar kekerapan salah laku diambil daripada rekod sekolah. Memandangkan data tidak bertaburan normal, ujian bukan parametrik digunakan dalam kajian ini.

Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua sekolah diperolehi terlebih dahulu. Setelah kebenaran diperolehi, pertemuan dengan Penolong Kanan Up

Ehwal Pelajar, Kaunselor sekolah dan guru disiplin diatur untuk membincangkan perjalanan kajian. Pihak sekolah telah berkerjasama menyenaraikan nama pelajar yang terbabit dengan kes disiplin dan dimasukkan sebagai peserta subjek kajian. Kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga diperolehi dan kajian dijalankan dengan membahagikan pelajar kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan kawalan, kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok. Kumpulan kawalan merupakan kumpulan yang belum diberi IP, manakala kumpulan rawatan individu adalah kumpulan yang diberikan IP secara individu manakala kumpulan rawatan kelompok merupakan kumpulan yang diberi intervensi secara kelompok. Data salah laku subjek diambil sebelum intervensi (praujian) dan 3 bulan selepas intervensi diberikan (pascaujian).

DAPATAN KAJIAN

Perbezaan min pangkatan salah laku antara kumpulan kawalan, kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok. Data dianalisis dengan menggunakan ujian bukan parametrik kerana data yang diperolehi tidak bertaburan normal. Analisis ujian Kruskal Wallis H menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kumpulan [$\chi^2 (2, N=86)=29.304, p=.000$]. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min salah laku subjek bagi kumpulan kawalan adalah lebih tinggi daripada kumpulan kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok dalam pascaujian (Kumpulan kawalan: $M=60.93$; kumpulan rawatan individu: $M=34.68$; kumpulan rawatan kelompok: $M=35.47$). Ini bermakna kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok kurang terlibat dengan masalah disiplin selepas intervensi diberikan berbanding dengan kumpulan kawalan. Ujian Mann-Whitney U dilakukan untuk mengenalpasti pasangan yang menyebabkan perbezaan yang signifikan ini.

Perbezaan min pangkatan salah laku antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan individu

Keputusan ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat perbezaan min salah laku [kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan individu ($U=154.5, p < .05$). Berdasarkan analisis deskriptif, min pangkatan salah laku kumpulan kawalan mendahului min pangkatan salah laku kumpulan rawatan individu dalam pascaujian (Kumpulan kawalan: $M=36.98$; kumpulan rawatan individu: $M=20.02$). Ini bermakna kumpulan rawatan individu kurang terlibat dengan masalah disiplin selepas intervensi diberikan berbanding dengan kumpulan kawalan.

Perbezaan min pangkatan salah laku antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan kelompok

Dapatkan daripada analisis ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat perbezaan min salah laku kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan kelompok ($U=169.5, p < .025$). Dapatkan analisis deskriptif menunjukkan min pangkatan salah laku kumpulan kawalan mendahului min pangkatan salah laku kumpulan rawatan kelompok dalam pascaujian (Kumpulan kawalan: $M=38.45$; kumpulan rawatan kelompok: $M=21.15$). Ini bermakna kumpulan rawatan

kelompok kurang terlibat dengan masalah disiplin selepas intervensi diberikan berbanding dengan kumpulan kawalan.

Perbezaan min pangkatan salah laku antara kumpulan rawatan individu dengan kumpulan rawatan kelompok

Namun analisis kajian mendapati tidak terdapat perbezaan min salah laku yang signifikan antara kumpulan rawatan individu dengan kumpulan rawatan kelompok ($U=410.5$, $p > .05$). Analisis data deskriptif berdasarkan skor min pangkatan salah laku dalam pascaujian menunjukkan skor min pascaujian kumpulan rawatan individu ialah ($M=29.16$) dan kumpulan rawatan kelompok ialah ($M=29.82$). Ini bermakna kumpulan rawatan individu dan kumpulan rawatan kelompok berada pada kadar keterlibatan yang agak setara dengan masalah disiplin selepas intervensi diberikan.

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Didapati IP berkesan dalam mengurangi salah laku pelajar bermasalah disiplin. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa IP boleh digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling apabila berhadapan dengan pelajar yang dirujuk secara individu ataupun berkumpulan kerana terlibat dengan masalah disiplin. Dengan membincangkan maklumat yang berkaitan dengan perlakuan pelajar dalam keadaan yang kondusif dan terapeutik dapat mendedahkan kepada pelajar tentang maklumat-maklumat yang diarasakan tidak penting ketika dia dirujuk dan membuatkan pelajar mendapat celik akal tentang perbuatan mereka. Dapatkan ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan maklumat yang tepat yang diberikan kepada seseorang berupaya mengubah tingkah lakunya (Crick & Dodge, 1994, McNamara, 2002). Kertas kerja ini tidak melihat proses yang dilalui oleh pelajar yang membuatkannya berubah. Kajian berbentuk kualitatif yang meneroka fenomenologi pelajar dalam menjalani intervensi ini merupakan satu kajian yang boleh mengemukakan dapatan-dapatan yang berguna dan menarik untuk meningkatkan profesion guru bimbingan dan kaunseling di masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman & Sharifah Bee. (1996). Dalam Abdul Halim Othman & Amir Awang (Eds). *Counseling in the Asia-Pacific Region*. (Kumpulan ese). Westport: Greenwood Press. (m.s. 1-25).
- Anuar Puteh, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Che Rohaizan Che Shaffaii. (2007, September 10-11). Gejala gangsterisme (samseng) dikalangan remaja sekolah (belia): Kajian terhadap pelajar sekolah menengah di bandar Tanah Merah Kelantan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Belia Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aslina Ahmad & Suradi Salim. (2010, Jun 16). Pengalaman guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani murid yang dirujuk. Dalam *Proceedings of the 2010 International Seminar Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*, Indonesia.
- Bear, G.G.; Manning, M.A.; & Kunio Shiomi. (2006). Children reasoning about aggression:differences between Japan and United States and implications for school

- discipline. School Psychology Review. 35(1). Muatturun daripada <http://www.questia.com/PM.qst?action=print&docId=5015104504>.
- Bemak, F; Chi Ying Chung, Murphy, C.S. (2003) A new perspective on counseling at risk youth dalam Erford, B (Eds.). *Transforming The School Counseling Profesion*. Upper Saddle River NJ: Pearson.
- Crick, N.R. & Dodge, K.A. (1994). A review and reformulation of Social Information-Processing Mechanisms in Children's Social Adjustment. *Psychological Buletin*, 115(1), 74-101.
- Finn, J.D; Fish, R.M.; & Scott, L.A. (2008). Educational sequela of high school misbehavior. *The Journal of Educational Research*. 101 (5), 259-274)
- Khalim Zainal, Rohani Ahmad Tarmizi, Zakaria Kasa & Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2007). Program Sistem penalti : kaedah alternatif bagi pengurusan disiplin pelajar. *Jurnal Pendidikan*. 32. 61-76.
- Loo, T. E. (2010, December 28). Wee: Don't cover up for students who play truant. Dimuaturun daripada laman web Star: <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/12/28/nation/7694546&>
- McNamara, E. (2002). Motivational interviewing and cognitive intervention. Dalam Gray,P. (ed.). *Working with emotions: responding to the challenge of difficult pupil behavior in schools*. London: Routledge Falmer.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Habibah Elias, Noreen Nordin, Rahil Mahyuddin, Samsilah Roslan & Maria Chong. (2006). The behavior problems of at-risk school children. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jilid 8, Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Okun, B. (2002). *Effective helping interviewing and counseling technique*. (6th.ed.). Pacific Grove: Brooks & Cole.
- Onyskiw, J.E. & Hayduk, L.A. (2001). Processes undelying children's adjustment in families characterized by physical aggression. *Family Relations*. 50, 376-385.
- Othman Mohamed. (2005). Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling (2nd ed.). Serdang: Penerbit UPM.
- Paulos, S.K. (2007). Examining the roles of family environment and internalizing symptoms on early adolescent social aggression: a one-year longitudinal study. Tesis Doktor Falsafah. University of Texas, Amerika Syarikat.
- Reddick, C. (2004). Working with the mandated client: confront beliefs, then treat. *Behavioral Health Management*, 24(3), 9- 11.
- Rice, F.P. & Dolgin, K.G. (2008). *The Adolescent: Development, relationships and culture*. 12th ed. Boston: Pearson: Allyn & Bacon.
- Rogers, C.R. (1961). *On becoming a person*. Boston: Houghton Mifflin.
- Rohizani Yaakub & Md. Pazin Salleh. (2005, Ogos 28-30). Pengurusan masalah ponteng sekolah. Dalam Prosiding seminar pendidikan jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG). Pulau Pinang.
- Ruhani Mat Amin. (2005). Counselling practicum: Struggles to learn to become School counselors. Prosiding Konvensyen PERKAMA 2005, Bangi:ESSET.
- Savicki, K.L. (2007). Working alliance, readiness for change and theory of change as predictors of treatment success among incarcerated adolescents. Tesis Doktor Falsafah. University of Texas, Amerika Syarikat.
- Suradi Salim & Tan Juat Ngoh. (1996, Jun 28-July 2). Students' reluctance in seeking counseling. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 11th Apeca Biennial Conference Workshop, di Phitsanuloke, Thailand.

Suradi Salim. (2001). Menghadapi klien yang dipaksa dan enggan berjumpa kaunselor
Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar kaunseling Kebangsaan ke II
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

SOCIAL ENTREPRENEURIAL PERSONALITY TRAITS AMONG STUDENTS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEIs)

Hariyaty Ab Wahid

Universiti Pendidikan Sultan Idris

hariyaty@fpe.upsi.edu.my

Norasmah binti Othman, Mazura binti Mansor & Nor Fadhilah Nasruddin

Universiti Kebangsaan Malaysia

lin@ukm.my, mmazura2@yahoo.com & fadhilah_6767@yahoo.com

Abstract: This study aims to review the level of social entrepreneurial personality traits among students of Higher Education Institutions (HEIs) whom actively participating in the Program of Students in Free Enterprise (SIFE) Malaysia. Personality traits of social entrepreneurs in this study consist of proactive in recognizing social entrepreneurship opportunities, entrepreneurial quality, community-oriented motivation, collaborative leader and synergistic. The sample consists of 124 SIFE's active students was selected using stratified random sampling. The questionnaire used to collect research data and then the data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 19.0. Descriptive statistics as percentages, frequencies, mean scores and standard deviation were used to describe the respondents' profile, and to show the level of social entrepreneurial personality traits of the SIFE's students. The study shows that the levels of social entrepreneurial personality traits of SIFE's students are moderately high for the proactive in recognizing social entrepreneurship opportunities and community-oriented motivation; while the synergistic ability to work in teams, collaborative leadership and entrepreneurial qualities are recorded high level. This indicates that proactive in recognizing opportunity and community-oriented motivation should be emphasized among the SIFE participants, with the collaboration of faculty advisors and others involved.

Keywords: Personality Traits, Social Entrepreneur, Students in Free Trade Enterprise

INTRODUCTION

The consistency of graduates' qualities produced by the traditional entrepreneurship education approach and programs is increasingly debatable. The graduates' ability in employment seeking which remains low, shortages and mismatches of graduates skills with the employers' expectation; are still a major issue in the country's human capital development and has been one of the contributing factors to the occurrence of unemployment (Ming et al. 2009; Mustafa 2009; Norani 2009; Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT 2010; Economic Planning Unit 2010). The successful of individual entrepreneur can be attributed according to certain internal factors such as personality and psychological characteristics. Personality appears to play an important role in the development of the theory of entrepreneurship process. Meanwhile, the basic personality profile and successful entrepreneurs can be the basis of reference which are important to the teachers and educators (Rohatay and